

07 APR 2001

Mahathir-Ekonomi

PUSAT PERTUMBUHAN BARU EKONOMI DIHUNI PENDUDUK BERBILANG KAUM

IPOH, 7 April (Bernama) -- Kerajaan akan memastikan semua pusat pertumbuhan ekonomi yang baru dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dihuni oleh penduduk berbilang kaum, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, ini adalah antara perancangan penting dalam RMK-8 untuk membolehkan semua rakyat mendapat kemudahan yang disediakan di tempat-tempat itu.

"Pusat pertumbuhan ekonomi yang baru tidak akan dihadkan kepada satu-satu kaum sahaja dan matlamat utama ialah mempertingkatkan penyertaan pelbagai kaum dalam sesuatu bidang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang berita selepas mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Perak di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, di sini, hari ini.

Menyentuh masalah kemiskinan, Dr Mahathir berkata kerajaan cuba mengurangkannya dan antara perancangannya ialah untuk menyusun semula masyarakat supaya penyertaan Bumiputera yang merosot sedikit akibat kegawatan ekonomi dapat ditingkatkan.

Selain itu, mengenai RMK-8 Perdana Menteri berkata keupayaan pekerja akan dipertingkatkan untuk bersaing dalam cabaran globalisasi.

"Keadaan ekonomi Amerika Syarikat yang merosot memberi kesan kepada kita kerana negara keluarkan banyak barang untuk dieksport ke Amerika," kata Dr Mahathir.

Oleh itu, adalah penting bagi negara meningkatkan keupayaan pekerjaannya termasuklah perbanyakkan pekerja pengetahuan dan melatih semula pekerja.

"Selain itu, kita juga akan beri perhatian tentang pelaburan dalam bidang IT (Teknologi Maklumat)," katanya.

Selain itu, mengenai usaha berbaik dengan Amerika Syarikat beliau berkata sebenarnya memang dasar negara mahu berbaik dengan semua negara dan tidak mahu bermusuhan dengan sesiapa.

"Tetapi atas sebab-sebab tertentu hubungan dengan Amerika tidak begitu baik dan sekarang kita cuba meningkatkan hubungan itu".

"Bagaimanapun daripada segi masyarakat perniagaan, hubungan dengan Amerika sebenarnya cukup baik dan tiada masalah," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

KAY PR